

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	1 MARCH 2015

Labuan perlu bertaraf antarabangsa - PM

Um- 1/3/2015

Oleh **METRA SYAHRIL MOHAMED**
utusansabah@utusan.com.my

■ LABUAN 28 FEB.

DATUK Seri Najib Tun Razak mahu pulau bebas cukai Labuan yang diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan pada April 1984 untuk dijadikan Wilayah Persekutuan, memiliki ciri-ciri bertaraf antarabangsa dan bukan sekadar dalam konteks domestik.

Ujar Perdana Menteri, bagi tujuan tersebut, pelbagai usaha perlu dilipatgandakan memandangkan Labuan berpotensi besar untuk dimajukan yang mampu merangsang keadaan pusingan ekonomi pulau berkenaan.

"Berdasarkan kedudukannya sebagai pusat logistik industri minyak dan gas, pusat kewangan pesisir antarabangsa (IOFC), potensi pelancongan, wujudnya sebahagian daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Pusat Matrikulasi Labuan serta penempatan pangkalan tentera, maka kita perlulah melihat bagaimana kita boleh meningkatkan lagi kemajuan Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Pasar Sentral Labuan di Jalan Bunga Tanjung, Ujung Pasir dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili dan Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli.

Terdahulu dalam majlis sama, Najib turut meluangkan masa menghadiri Kenduri 1Malaysia bersama rakyat serta melancarkan Yayasan Pendidikan Labuan (YPL).

Najib memberitahu, kerajaan amat berharap dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) ini, beberapa projek pembangunan tambahan dapat dikenal pasti dan boleh diusahakan ke arah kemajuan pulau itu.

"Untuk ini saya umumkan beberapa projek tambahan dan apabila kita sebut projek tambahan ini, kita jangan lupa iaitu mendahulukan kepentingan rakyat. Apapun yang kita lakukan, objektifnya untuk kesejahteraan rakyat.

"Antaranya, pertama, pemberian subsidi feri bagi penumpang

yang kita lakukan sejak 2013 akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM15 juta setahun. Untuk memudahkan lagi perkhidmatan sistem penyampaian kerajaan, pembinaan Mini Pusat Transformasi Bandar (UTC) Labuan akan dilaksanakan," katanya.

Selain itu, jelasnya, melengkapkan Pasar Sentral Labuan dengan kemudahan eskalator dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta serta kemudahan tambahan Kompleks Pendaratan Ikan Labuan menerusi peruntukan RM20 juta dan pembinaan beberapa jalan baharu.

Beliau turut mengumumkan projek pembinaan masjid baharu Kampung Sungai Badaun sebanyak RM7 juta, pembinaan Surau Nurul Islam di pusat bandar (RM5.5 juta), pembinaan sebuah sekolah menengah agama dan asrama di Kampung Sungai Badaun (RM60 juta) dan baik pulih Masjid Jamek An Nur (RM5 juta).

"Semua sekali projek keagamaan itu melibatkan peruntukan RM77.5 juta. Berhubung YPL, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM2 juta," tambahnya.